

SIRI WACANA ATMA: KUASA RAJA-RAJA MELAYU

(FOTO: AZUDDIN SAAD/IBH)



Wan Ahmad Fauzi menyampaikan pembentangan pada Siri Wacana ATMA: Kuasa Raja-Raja Melayu Antara Perlembagaan dan Warisan dalam Rangka TN50 di UKM, Bangi, semalam.



Ketika ini semakin ramai generasi muda tidak memahami kepentingan institusi raja dalam memayungi kepentingan rakyat berbilang kaum dan agama”

Wan Ahmad Fauzi
Wan Husain,
Ketua Lajnah Kajian
Strategik Ittihad

Perkukuh institusi raja

➔ Kerajaan perlu rangka konsep, skop, bidang kuasa dalam TN50

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bh.com.my

► Bangi

Kuasa Raja-Raja Melayu perlu kekal dalam pelaksanaan Transformasi Nasional 2050 (TN50) kerana institusi raja ialah pelindung rakyat, agama dan negara.

Ketua Lajnah Kajian Strategik Ittihad, Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, berkata kerajaan perlu merangka konsep, skop dan bidang kuasa Raja-Raja Melayu dalam TN50 sejajar dengan Perlembagaan Persekutuan.

Katanya, kuasa raja bukan

saja perlu dipertahankan, malah perlu diperkukuhkan sejajar transformasi nasional dalam pelbagai bidang mencakupi ekonomi, teknologi, pendidikan dan kemajuan prasarana seperti digagaskan dalam TN50.

Beliau berkata, raja dan rakyat tidak dapat dipisahkan dan sekiranya kuasa raja dikurangkan dalam menjayakan transformasi nasional itu, ia boleh menjejaskan hak keistimewaan Melayu dan Islam sebagai agama rasmi negara.

Kuasa Majlis Raja-Raja

“Dalam Perkara 38, Perlembagaan Persekutuan jelas memperuntukkan kuasa Majlis Raja-Raja memperkenankan atau tidak apa-apa undang-undang dan membuat atau memberikan nasihat mengenai pelantikan, mengikut Perlembagaan Persekutuan yang dikehendaki diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja, atau dikehendaki dibuat, selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja.

“Ini membuktikan besarnya

kuasa institusi raja seperti diperakui Perlembagaan Persekutuan,” katanya pada Siri Wacana Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA): Kuasa Raja-Raja Melayu: Antara Perlembagaan dan Warisan dalam Rangka TN50 di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di sini, semalam.

Sesi diketendalikan Pengarah ATMA, Prof Dr Supyan Hussin itu turut menampilkan dua lagi ahli panel, iaitu Penerbit Eksekutif Dinasti Teratai Publication Sdn Bhd, Mohd Bokhari Abdullah dan bekas pensyarah Universiti Selangor dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Mejar (B) Mior Rosli Mior Jaafar.

Yang turut hadir, Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, Tan Sri Syed Danial Syed Ahmad.

Wacana itu bertujuan mengupas dan membahas konsep, skop dan bidang kuasa Raja-Raja Melayu dari sudut warisan dan Perlembagaan Persekutuan mencakupi kuasa Raja-Raja Melayu, sama ada hanya warisan yang bersifat budaya semata-

mata atau perlu dipertahankan.

Pemahaman kepada generasi muda

Ketiga-tiga ahli panel dan lebih 500 yang hadirin pada sesi wacana berkenaan bersetuju kuasa raja perlu dikekalkan dan dipertingkatkan dalam mencapai TN50.

Dalam pada itu, Dr Wan Ahmad Fauzi berkata, kerajaan perlu menganjurkan program dan dialog TN50 mengenai kuasa raja untuk generasi muda supaya mereka memahami perkara itu.

Ini disebabkan, katanya, ketika ini semakin ramai generasi muda tidak memahami kepentingan institusi raja dalam memayungi kepentingan rakyat berbilang kaum dan agama.

“Setakat ini, saya tidak nampak ada program dan dialog dalam TN50 yang menjurus kepada fungsi raja. Kita harap ia diadakan dalam tempoh terdekat, demi kepentingan generasi muda agar mereka faham fungsi institusi raja,” katanya.

Kuasa Raja-Raja Melayu akan kekal dalam TN50

Bangi: Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, Tan Sri Syed Danial Syed Ahmad yakin kuasa Raja-Raja Melayu akan kekal dalam pelaksanaan Transformasi Nasional 2050 (TN50).

Katanya, kuasa raja termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, selain terangkum dalam Rukun Negara yang sepatutnya dipertahankan oleh kerajaan dalam menuju TN50.

“Institusi raja sudah lama wujud di negara ini yang menjadi payung kepada rakyat dan agama sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka. Raja dan rakyat berpisah tiada.

“Kita di Malaysia setia kepada raja berbeza dengan Amerika Syarikat dan negara republik lain yang setia kepada bendera. Percayalah raja akan melindungi rakyat, agama dan negara selama-lamanya,” katanya.

Beliau ditemui media selepas menghadiri wacana di sini, semalam.

Jadi agenda kerajaan

Ditanya sama ada institusi raja akan dibincangkan dalam dialog TN50, Syed Danial berkata, pihaknya yakin perkara itu akan menjadi agenda kerajaan.

“Saya tidak boleh mengulas lanjut mengenainya, namun yakin ia dalam proses perbincangan untuk diadakan dialog mengenainya apabila tiba masanya,” katanya yang turut menyokong penganjuran wacana berkenaan.

Dalam pada itu, bekas pensyarah Universiti Selangor (UNISEL) dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Mejar (B) Mior Rosli Mior Jaafar berkata, sebagai bekas pegawai tentera beliau yakin kuasa raja akan dipertahankan dalam TN50.

Katanya, Yang di-Pertuan Agong turut berperanan sebagai Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia sentiasa melindungi rakyat seperti pencerobohan pengganas Sulu di Kampung Tanduo, Lahad Datu, pada Februari 2013.

“Sebab itulah saya percaya kuasa raja akan kekal dipertahankan dalam TN50. Sebagai rakyat, kita juga perlu bersatu mempertahankan institusi raja daripada sebarang ancaman,” katanya.

Kesetiaan kepada Raja, Negara perlu dalam manifesto

Bangi: Parti politik yang bertanding pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) perlu memasukkan ‘Kesetiaan kepada Raja dan Negara’ dalam manifesto.

Penerbit Eksekutif Dinasti Teratai Publication Sdn Bhd, Mohd Bokhari Abdullah, berkata ini disebabkan ketika ini banyak parti politik yang menumpukan manifesto kepada pembelaan rakyat semata-mata, sehingga lupa mereka di-

naungi kuasa raja.

Katanya, langkah ini diyakini bukan sahaja dapat mengukuhkan ketepatan pemimpin parti terbabit kepada institusi raja, malah penyokong mereka juga akan menjawai manifesto berkenaan.

Beliau berkata, mungkin ada parti politik yang alpa keselamatan dan kemakmuran negara ialah hasil kebijaksanaan raja melindungi kedaulatan negara menerusi Ang-

katan Tentera Malaysia (ATM).

“Panglima ATM dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, selain ada Rejimen Askar Melayu Diraja yang melindungi kepentingan Melayu,” katanya di sini, semalam.

Penjelasan kepada pelajar

Mohd Bokhari berkata, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pendidikan Tinggi juga perlu mengemas kini bab dalam mata pe-

lajaran seperti Bahasa Melayu atau Pengajian Am untuk memberi penjelasan kepada pelajar mengenai aspek ‘Kesetiaan kepada Raja dan Negara’ seperti termaktub dalam Rukun Negara.

Katanya, ketika ini tiada penerangan khusus mengenai aspek itu sehingga golongan berkenaan tidak memahami maksud sebenar perkara kedua Rukun Negara itu.

“Jangan ulangi keruntuhan ke-

rajaan Kota Tiga Raja Manila di Filipina yang diperintah raja beragama Islam pada pertengahan abad ke-16, yang runtuh dan kita hanya mengenang tiga raja berkenaan, iaitu Raja Sulayman, Raja Matanda dan Raja Lakandula.

“Sebab itu, kita mahu perkara ‘Kesetiaan kepada Raja dan Negara’ menjadi sebahagian pengisian TN50. Jangan nanti generasi TN50 lupa kuasa raja,” katanya.